

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 21/11/2017

Edisi / Muka Surat : Nasional / 29



HENRY SUM AGONG (empat dari kiri) menyampaikan replika kunci kereta Proton Iriz kepada Asnita Musaraha (dua dari kiri) pemenang Cabutan Bertuah Perdana dalam Majlis Perasmian Penutup Karnival MACCOPS di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya, Selangor, kelmarin. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN

MACCOPS 2017 jana nilai transaksi dagangan RM184 juta

KUALA LUMPUR 20 Nov. - Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2017 yang berlangsung selama lima hari berjaya menjana nilai transaksi dagangan sehingga RM184 juta hasil daripada pemadanan perniagaan dan beberapa memorandum persefahaman antara koperasi tempatan dan antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agung berkata, MACCOPS 2017 mampu menjadi sebuah jenama ekspo yang dikenali oleh masyarakat koperasi seluruh dunia.

"Ini dibantu oleh pengajuran Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICAKL 2017) dengan dihadiri kira-kira 1,600 delegasi dari 100 buah negara.

"Jualan produk meningkat serta kedatangan pengunjung mencecah 16,500 orang dan diharapkan semua koperasi di Malaysia dapat meningkatkan usaha mengeluarkan produk dan perkhidmatan bermutu tinggi secara berterusan pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas merasmikan majlis penutup MACCOPS 2017 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, dekat sini semalam.

Yang turut hadir Timbalan Presiden Angkatan Kope-

rasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Mutadho Bahri dan Pengurus Jawatankuasa Bahagian Perkhidmatan Kepenggunaan, Datuk Kamarudin Ismail.

Sebanyak 162 gerai termasuk 20 buah koperasi antarabangsa menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan di MACCOPS 2017.

MACCOPS 2017 juga mencapai sasaran dagangan ke hadapan (*Forward Business*) melibatkan pameran dari dalam dan luar negara termasuklah Iran, China, Kemboja, Filipina dan Vietnam bagi mengembangkan potensi urus niaga dalam masa-masa akan datang.

Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai antara Felda Wellness Corporation (FWC) bersama Koperasi Farmasi Muslim Selangor Berhad (Kofarmsel) dan Bahagian Pertanian dan Industri Asas Tani Angkasa dengan Persekutuan Koperasi Pertanian Kebangsaan Korea Selatan (NACF) untuk membangunkan program ternakan lembu tenusu koperasi di negara ini.

Angkasa juga tidak ketinggalan dalam mengadakan kerjasama dengan Koperasi Doktor Pakar Berhad serta Fresenius Medical Care Malaysia Sdn. Bhd. bagi membangunkan sebuah Pusat Latihan Renal Angkasa bernilai RM1.5 juta yang dijangka bermula tahun hadapan.